

Gerakan Missionary dalam Kalangan Orang Asal Pahang, 1970-1980

Missionary Movement among The Natives of Pahang, 1970-1980

Sri Gayathri Kalidasan*

Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan Bunut Rendang, Jalan Kuantan,
25150 Kuantan Pahang, Malaysia

*email: Sri Gayathri Kalidasan (email: cikgusri2@gmail.com)

Received: 22 Okt 2025; Revised: 24 Nov 2025; Accepted: 15 Dis 2025; Published: 18 Dis 2025

To cite this article (APA): Kalidasan, S. G. (2025). Gerakan Missionary dalam Kalangan Orang Asal Pahang, 1970-1980. *Munsi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(2), 1-15. <https://doi.org/10.37134/munsi.vol3.2.1.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai gerakan missionari Kristian dalam kalangan Orang Asal di Pahang 1970-1980. Fokus kajian ini adalah untuk menganalisis kesan gerakan missionari Kristian terhadap Orang Asal di Pahang, 1970-1980. Kajian ini telah menggunakan metodologi sejarah dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini menggunakan sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia dan Gereja Saint Thomas Kuantan Pahang. Sumber kedua pula terdiri daripada buku, jurnal dan tesis yang diperoleh daripada Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Kajian ini juga menggunakan sumber temubual dan sumber tertier untuk meningkatkan kefahaman mengenai kajian. Semua sumber tersebut telah dinilai mengikut proses kritikan sejarah untuk memastikan kesahihan maklumat. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, gerakan missionary Kristian telah melaksanakan pelbagai tindakan dari segi agama, infrastruktur, pendidikan dan ekonomi. Kesimpulan daripada kajian ini adalah perkembangan gerakan missionari Kristian yang berlaku dalam kalangan Orang Asal telah memberikan kesan kepada Orang Asal dan gerakan missionari itu sendiri.

Kata kunci: Orang Asal, Pahang, Missionari, Kristian, Pendekatan dan Kesan

Abstract

This study aims to assess the Christian missionary movement among the Indigenous Peoples in Pahang between 1970 and 1980. Its primary objective is to analyse the impact of missionary activities on Indigenous communities during this period. Employing a historical methodology within a qualitative research framework, the study draws upon primary sources obtained from the National Archives of Malaysia and the Saint Thomas Church in Kuantan, Pahang. Secondary materials, comprising books, journals, and theses, were sourced from the Tuanku Bainun Library, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

In addition, interview was also conducted in order to enhance contextual understanding. All sources were subjected to rigorous historical criticism to ensure the reliability and validity of the information. The findings demonstrate that the Christian missionary movement implemented a range of initiatives encompassing religious instruction, infrastructural development, education, and economic activities. The study concludes that the expansion of the Christian missionary movement during the 1970–1980 period exerted notable influences on both the Indigenous communities and the missionary organisations themselves.

Keywords: *Indegenous people, Missionary, Christian, Pahang, Approach and Impact*

Pengenalan

Gerakan missionari Kristian ini mula berkembang di Semenanjung Malaysia dengan sokongan daripada gereja tempatan dan antarabangsa. Negeri Pahang yang merupakan negeri terbesar di Semenanjung Malaysia turut menjadi lokasi yang penting dalam gerakan missionary ini. Gerakan missionari Kristian ini mula bergiat aktif dengan memberikan tumpuan kepada usaha untuk memperkenalkan agama Kristian kepada Orang Asal serta melaksanakan beberapa pembaharuan yang memberi impak terhadap kehidupan Orang Asal di Negeri Pahang.

Latar Belakang

Pahang mempunyai jumlah penduduk Orang Asal yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia.¹ Penempatan mereka di Pahang terdapat di 12 daerah iaitu Kuantan, Pekan, Rompin, Maran, Temerloh, Bera, Jerantut, Raub, Kuala Lipis, Bentong, Muadzam Shah dan Cameron Highlands.² Pada tahun 1970 bilangan penduduk Orang Asal adalah seramai 18,822 orang dan jumlah tersebut telah meningkat kepada 24, 164 orang pada tahun 1980.³

Jadual 1: Taburan penduduk masyarakat Orang Asal di Pahang

Daerah	Bilangan Kampung
Kuala Lipis	69
Pekan	33
Cameron Highlands	25
Raub	24
Rompin	21
Muadzam	19
Temerloh	16
Bera	15
Bentong	14
Jerantut	12
Maran	8

¹ Siri Monograf Banci Penduduk, Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Department of Statistics, Malaysia. 1991, hlm. 5.

² Shariman Tunku Sulaiman, The Pahang Capital, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 76(2), 2003, hlm.70, <https://www.jstor.org/stable/41493500>.

³ Siri Monograf Banci Penduduk, Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kuantan	6
Jumlah	262

Sumber: Jurnal Cabaran Pelaksanaan Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu, Pahang. <http://ejournal.ukm.my/islamiyyat/issue/view/1278>

Menjelang tahun 1970, kerajaan Malaysia mula memfokuskan terhadap pembangunan masyarakat Orang Asal. Dalam usaha tersebut, kerajaan telah memperkasakan kedudukan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). JHEOA ini merupakan suatu jabatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan hal ehwal Orang Asli di Malaysia. Tujuan awal penubuhan JHEOA ini adalah memisahkan hubungan antara pengganas komunis dengan Orang Asli. Selepas tamatnya darurat komunis di Semenanjung Malaysia, penubuhan jabatan ini turut menjadi kekal dan mula memberi penekanan kepada peningkatan sosial dan ekonomi agar komuniti tersebut dapat mencapai arus ekonomi dan kualiti kehidupan yang stabil.⁴

Orang Asal dan Gerakan *Missionary*

Dalam keadaan itu, masyarakat Orang Asli di Pahang telah mula mengalami perubahan dalam kehidupan mereka dalam aspek keagamaan, pendidikan, kebajikan dan sebagainya. Tempoh masa 1970-1980 suatu jangka masa penting bagi masyarakat Orang Asli di Pahang kerana ia telah membangkitkan penglibatan beberapa organisasi melalui program yang tersendiri. Antaranya ialah Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) yang ditubuhkan pada tahun 1926. Fungsi JAIP ini adalah untuk menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli di bawah unit Ukhuwwah. Akan tetapi banyak program yang dirancang tersebut tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana terdapatnya usaha daripada agama lain seperti gerakan *missionary* Kristian.⁵ Maka, kadar pengkristian dalam kalangan Orang Asli di Pahang mencatatkan lebih tinggi daripada pengislaman. Keadaan ini telah menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli lebih terpengaruh dengan ajakan dan pujukan daripada agama yang bersifat *missionary* seperti agama Kristian.⁶ Maka, misi missionari Kristian yang memasuki dalam kalangan Orang Asli ini telah membawa perubahan dalam agama dan kepercayaan diamalkan oleh Orang Asli di negeri Pahang. Sokongan yang diberikan oleh masyarakat Orang Asli terhadap gerakan missionari Kristian telah menyebabkan agama Kristian berkembang luas di Pahang.

Pada tahun 1932 apabila mubaligh Kristian telah mengadakan lawatan di kawasan perkampungan Orang Asli di Kuantan dan Cameron Highlands.⁷ Lawatan tersebut merupakan titik permulaan bagi gerakan missionari Kristian wujud dalam kalangan Orang

⁴ Ibid.Hlm. 40

⁵ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang, Penerbitan Karisma Sdn.Bhd, Shah Alam, 2008, m/s 70-71

⁶ Aini, Z. & Sabri, N.S, Bentuk-bentuk Gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Orang Asli di Perak: Forms of Christianization to the Orang Asli in Perak, Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4 (2), 2019,125-141, m/s128,. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.61>

⁷ Aini, Z. & Sabri, N.S, Bentuk-bentuk Gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Orang Asli di Perak: Forms of Christianization to the Orang Asli in Perak, Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4 (2), 2019,125-141, m/s128. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.61>

Asal di Pahang. Dalam usaha untuk menyebarkan ajaran Kristian kepada Orang Asal di Pahang, gerakan missionari Kristian telah mula menyediakan pendidikan *missionary* Kristian di beberapa daerah di Pahang iaitu Bentong, Kuala Lipis dan Raub pada tahun 1950.⁸ Tambahan pula, gerakan missionari Kristian juga mula menubuhkan dewan injil di kawasan perkampungan Orang Asal.

Tujuan utama penubuhan Dewan Injil adalah untuk memudahkan gerakan missionari Kristian mengadakan aktiviti keagamaan dengan masyarakat Orang Asal.⁹ Hal ini memudahkan gerakan Kristian untuk meluaskan pengaruhnya kepada Orang Asal. Maka, pengaruh gerakan missionari Kristian yang meluas ini telah meningkatkan bilangan dewan injil di beberapa kawasan perkampungan Orang Asal di Pahang. Salah satunya ialah gereja All Souls pada tahun 1959.

Gereja All Souls di Cameron Highlands ditubuhkan pada tahun 1959 dengan tujuan untuk menyediakan tempat keagamaan untuk penganut Kristian. Gereja ini telah diketahui oleh mazhab Anglikan. Penubuhan gereja ini merupakan sebahagian gerakan missionari Kristian yang berlaku di Pahang. Ia merupakan tempat ibadat yang terawal yang didirikan di kawasan Cameron Highland.¹⁰ Maka, gereja ini juga memainkan peranan yang penting dalam membawa perubahan kehidupan Orang Asal. Kemudian, gerakan missionari Kristian mula menjadi hebat apabila wujudnya kedatangan mubaligh daripada organisasi *China Inland Mission (CIM)*.¹¹

CIM merupakan suatu organisasi yang diperkenalkan pada tahun 1960 di Tanah Melayu. Gerakan ini mula bergiat aktif di bawah penguasaan *Overseas Missionary Fellowship*. Menerusi organisasi CIM, para mubaligh gerakan missionari Kristian berjaya berkongsi amalan agama Kristian kepada penduduk di kawasan perkampungan.¹² Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha yang diambil oleh organisasi CIM tidak melupakan masyarakat Orang Asal.

Bermula tahun 1970, gerakan missionari Kristian turut meningkatkan usaha dalam aktiviti agama. Hal ini tercetus kerana, wujudnya kebangkitan agama lain seperti agama Islam dalam tempoh masa tersebut. Oleh sebab itu, gerakan *missionary* Kristian turut mempelbagaikan aktiviti terhadap Orang Asal melalui pendidikan, kesihatan, keagamaan dan lain-lain. Dengan harapan, usaha yang diambil oleh gerakan Kristian dapat meningkatkan kefahaman mereka tentang pegangan agama Kristian ini.¹³

⁸ Walk the Land in Malaysia, Published by The Provider Production Bhd. Diperoleh daripada <http://www.theprovider.org.my/>.

⁹ Ibid

¹⁰ Sheila Lee, All Souls' Church, 19 Oktober 2019. Diakses daripada <https://church.com.my/all-soulschurch.html>

¹¹ First China Inland Mission, now OMF International. Diperoleh daripada <https://omf.org/us/about/ourstory/china-inland-mission/>.

¹² Walk the Land in Malaysia, Published by The Provider Production Bhd. Diperoleh daripada <http://www.theprovider.org.my/>

¹³ Hussin, S.A.R, Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan halangan. Jurnal Usuluddin. 25 (1), 155-184, 2009, m/s 156.

Melalui aktiviti yang dijalankan gerakan missionari Kristian berhasrat bahawa kefahaman yang baik tentang Kristian akan berjaya dipersembahkan kepada Orang Asal di Pahang.

Bagi meluaskan gerakan Kristian dalam tempoh 1970 hingga 1980, pihak gereja juga telah mengambil insentif untuk menyusun organisasi gerakan *missionary* ini untuk menjadi lebih sistematik. Dalam keadaan itu, mereka juga telah membuat pembaharuan. Antaranya ialah memperkenalkan barisan jawatankuasa dalam organisasi gereja bagi mengawal pergerakan gereja itu dengan lebih terancang. Dengan itu, gerakan missionari juga dapat membahagikan tugas mengikut bahagian tersebut. Sehubungan dengan itu, gerakan missionari dapat dijalankan dengan lebih sistematik dalam kalangan Orang Asal melalui *Parish Integral Human Development Ministry (PIHDM)*. PIHDM ini merupakan bahagian yang akan mengawal aktiviti missionari yang dilaksanakan oleh gereja terhadap masyarakat Orang Asal.

Pendekatan *Missionary*

Peranan Paderi Luar Negara

Gerakan missionari Kristian yang berlaku di negeri Pahang pada tahun 1970 mula berkembang apabila berada di bawah kepimpinan para paderi dari luar negara.¹⁴ Antaranya negara yang menghantar paderi dalam gerakan missionari di Pahang ialah Perancis, Jerman, China dan Amerika Syarikat.¹⁵ Senarai berkenaan adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Senarai nama paderi yang berkhidmat di Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang

Bil	Senarai nama paderi	Tahun
1.	Fr. Antonie Henriot MEP	1964-1970
2	Fr. Michel Perbet MEP	1970-1974
3	Fr. Gilbert Alexis Griffon MEP	1975-1978
4	Fr. Anthony Chan	1978-1979
5	Fr. Gilbert Alexis Griffon MEP	1980-1983

Sumber: Our Shepherds for the Parish of St. Thomas (1906-2006). Dokumen Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang

Jadual di atas ini menunjukkan senarai nama golongan paderi yang bertugas di salah satu gereja di Pahang dari tahun 1964 hingga 1983. Berdasarkan jadual tersebut, ia membuktikan bahawa kehadiran paderi dari beberapa negara luar merupakan suatu tindakan yang diambil oleh gerakan missionari untuk bergiat aktif di negeri Pahang.¹⁶ Hal ini kerana matlamat utama mereka adalah hanya mengukuhkan kedudukan agama Kristian

¹⁴ Our Shepherds for the Parish of St. Thomas (1906-2006). Dokumen Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang.

¹⁵ Ibid

¹⁶ Ibid

di seluruh Malaysia pada masa tersebut. Dalam keadaan itu, negeri Pahang tidak terlepas daripada sasaran tersebut.¹⁷

Usaha gerakan missionari Kristian terhadap Orang Asal pada tahun 1970 telah bermula di beberapa kawasan perkampungan seperti Bukit Sorok, Sungai Bera dan Temerloh. Mereka merupakan kumpulan Orang Asal yang memegang agama Kristian sejak pemerintahan kolonial lagi.¹⁸

Usaha paderi luar negara dalam menyebarkan agama Kristian dalam kalangan Orang Asal ini mula aktif apabila mereka menyediakan peluang pekerjaan kepada Orang Asal di Pahang sebagai pengembang agama. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapatnya satu peristiwa yang mana seorang pemuda yang berasal daripada kawasan perkampungan Orang Asal di Pahang telah menamatkan pengajian agama Kristian dan menghantar ke negeri Perak untuk bertugas sebagai pengembang agama Kristian dalam kalangan masyarakat Orang Asal di sana.¹⁹ Keadaan ini menunjukkan tindakan yang diambil oleh gerakan Kristian dalam meluaskan agama telah memberi peluang pekerjaan kepada Orang Asal yang mempunyai kelayakan untuk menyebarkan ajaran Kristian dalam kumpulan mereka sendiri.²⁰

Kewujudan pimpinan golongan paderi dari luar negara telah meningkatkan juga jumlah bilangan paderi di negeri Semenanjung Malaysia termasuk negeri Pahang. Ketika itu gerakan missionari Kristian berjaya meletakkan 8 orang paderi di negeri Pahang pada tahun 1976.²¹ Ia merupakan suatu kejayaan bagi gerakan missionari Kristian yang berlaku di Pahang. Maka, strategi yang digunakan oleh gerakan missionari Kristian melalui peranan paderi luar negara ini telah meningkatkan bilangan paderi dalam golongan Orang Asal.

Infrastruktur

Gerakan missionari Kristian yang berlaku di Pahang telah memfokuskan kepada penglibatan Orang Asal di kawasan pendalaman. Dalam keadaan itu, gerakan Kristian telah membuat cadangan untuk menubuhkan gereja di kawasan perkampungan Orang Asal. Hal ini tercetus kerana beberapa gereja yang terdapat di Pahang pada masa tersebut berada di kawasan bandar. Maka, ia menyebabkan Orang Asal yang berada di kawasan pendalaman sukar untuk mengikuti aktiviti yang dikendalikan oleh pihak gereja. Sebagai insentif untuk memudahkan masyarakat Orang Asal, gerakan missionari Kristian telah membuat satu cubaan untuk mendirikan gereja di kawasan perkampungan Orang Asal.²²

¹⁷ Ibid

¹⁸ 2011/004293. Hal Ehwal Ugama Penduduk, Laporan Pentadbiran Orang Asli Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pahang dan Terengganu

¹⁹ Ibid.

²⁰ 1993/0007096. Memorandum Menteri Besar Pahang, Lembaga Pelindung Orang Asli di Negeri Pahang.

²¹ 2007/0062203. Kegiatan Pendakwah Kristian dalam Pendidikan di Malaysia.

²² 1987/0001447. Minit Mesyuarat Khas Jawatan Kuasa Hal Ehwal Ugama dan Kebajikan Masyarakat pada 21hb, November, 1967.

Mereka turut membuat satu permohonan kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk mendirikan gereja di perkampungan Orang Asal di Pahang. Salah satunya ialah permohonan untuk mendapatkan tapak gereja di Felda Sg. Koyan.²³

Permohonan tersebut juga dibatalkan atas sebab bilangan penduduk agama Kristian di kawasan masih dikira minoriti di kawasan tersebut.²⁴ Father George Packiasamy, *Parish Priest* di Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang mengatakan isu yang sama telah berlaku di beberapa kawasan perkampungan Orang Asal yang lain seperti di Bukit Rok, Rompin dan Batu Lapan, Kuantan. Hal ini telah mendorong pihak gereja selaku gerakan missionari Kristian untuk menubuhkan binaan *Chapel*. *Chapel* merupakan dewan yang disediakan kepada masyarakat Orang Asal untuk menjalankan upacara sembahyang di kawasan petempatan mereka sendiri. Kadangkala, *Chapel* juga akan digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan di kawasan perkampungan Orang Asal.²⁵

Katherine Boon, *Parish Integral Human Development Ministry*, PIHDM di Gereja katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang juga mengatakan bahawa pihak gereja juga tidak menghadapi halangan untuk membina *Chapel* bagi kegunaan Orang Asal. Manakala, pihak gereja juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi Orang Asal yang tinggal di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan tempat ibadat supaya mereka dapat menyertai semua aktiviti seperti aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh gereja. Pada setiap hari Ahad, pihak gereja mengadakan aktiviti pembacaan doa di gereja atau *Chapel* yang disediakan.²⁶

Secara ringkasnya, penubuhan gereja dan *Chapel* dalam kalangan masyarakat Orang Asal di Pahang telah mengeratkan hubungan antara gerakan missionary Kristianisasi dengan Orang Asal. Perjumpaan yang mereka mengadakan pada setiap hari Ahad itu dapat menjalin komunikasi yang baik antara mereka. Dalam keadaan itu, Orang Asal di Pahang juga mengenali dan mempelajari budaya dan amalan yang diaplikasikan dalam kehidupan seseorang yang beragama Kristian. Keadaan ini telah menjelaskan bahawa perkembangan gerakan missionari Kristian yang berlaku menerusi penubuhan gereja dan *Chapel* ini telah mengajar mereka untuk menjalankan kehidupan berasaskan kepada *Jesus Christ*.

Pendidikan

Gerakan missionari Kristian juga mula berkembang menerusi aspek pendidikan. Gerakan missionari Kristian telah melihat pendidikan sebagai satu keperluan asas bagi seseorang individu untuk menjalankan kehidupan serta sesebuah negara memperbaiki kedudukan.²⁷ Dalam keadaan itu, gerakan missionari Kristian berpandangan bahawa masyarakat Orang

²³ 1993/0006234. Rayuan mengenai hal ehwal ugama.

²⁴ Ibid

²⁵ Temubual dengan Rev Father George Packiasamy, Parish Priest, Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, 7 Disember 2022.

²⁶ Temubual dengan Katherine Boon, Parish Integral Human Development Ministry (PIHDM), Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022.

²⁷ 2020/0004583, Christian Missionaries and Their Role In Progress of Education, Sunday Tribune, 4 Disember 1977.

Asal yang berada di kawasan perkampungan juga tidak boleh dipinggirkan daripada kepentingan pendidikan ini.²⁸ Oleh sebab itu, gerakan missionari telah mencadangkan pelaksanaan aktiviti pendidikan dalam kalangan Orang Asal.

Apabila terdapatnya dasar kerajaan yang membenarkan kebebasan beragama di setiap negeri. Ia turut menjadi suatu kelebihan kepada gerakan missionari Kristian untuk bergiat aktif dalam aktiviti pendidikan dengan Orang Asal di Pahang. Dalam usaha tersebut, gerakan missionari yang berkembang di Pahang telah membuat permintaan kepada pihak kerajaan untuk mendirikan sekolah missionari bagi kanak-kanak Orang Asal di negeri Pahang atas nama *Application: Residential School for Aborigine Children*.²⁹

Dalam permohonan tersebut, gerakan missionari Kristian telah menyatakan fungsi sekolah tersebut iaitu sebagai sebuah sekolah, asrama, gereja dan lain-lain. Maka, cadangan tersebut turut meluaskan pengaruh gerakan Kristian kepada Orang Asal yang berada di Pahang. Pelaksanaan sekolah missionari Kristian di negeri Pahang ini menarik perhatian Orang Asal kerana sekolah tersebut telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi kanak-kanak Orang Asal. Antara kemudahan yang terdapat di sekolah missionari di Pahang ialah makanan, pakaian, alat-alat sekolah dan asrama bagi kanak-kanak Orang Asal yang mengikuti pendidikan di sekolah missionari.³⁰ Maka, kemudahan tersebut telah memudahkan gerakan missionari menjalankan aktiviti pendidikan kepada Orang Asal.

Namun itu, sekolah missionari Kristian turut memberikan kepentingan juga terhadap elemen keagamaan. Hal ini kerana, sekolah missionari yang diikuti oleh kanak-kanak masyarakat Orang Asal telah memberi keutamaan juga terhadap pendidikan agama. Gerakan missionari Kristian juga telah mewujudkan satu syarat iaitu perhimpunan agama harus dijalankan dalam seminggu sekali. Manakala, syarat tersebut telah dijadikan sebagai satu tradisi bagi kanak-kanak Orang Asal yang mengikuti pendidikan di sekolah missionari. Dengan syarat tersebut, kanak-kanak Orang Asal juga telah mempelajari cara membaca doa dan menyanyi.³¹ Keadaan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan perhimpunan agama ini telah berjaya menerapkan amalan Kristian kepada kanak-kanak Orang Asal menerusi pendidikan.

Justeru itu, penyusunan aktiviti pendidikan yang dikendalikan oleh gerakan missionari menerusi sekolah missionari ini telah berjaya meluaskan dan menerapkan pemikiran agama Kristian terhadap kanak-kanak Orang Asal sejak awal lagi. Keadaan tersebut membangkitkan gerakan missionari di seluruh Pahang.

²⁸ Ibid

²⁹ 1978/0005038, Permintaan Mendirikan Sebuah Sekolah untuk Kanak-kanak Orang Asli di Rompin oleh Christian Missionary.

³⁰ Ibid

³¹ 2007/0062203, Kegiatan Pendakwah Kristian Dalam Pendidikan di Malaysia

Ekonomi

Perkembangan gerakan missionari Kristian dalam kalangan masyarakat Orang Asal di Pahang dapat memperlihatkan melalui aktiviti ekonomi. Aktiviti ekonomi utama yang diberi tumpuan oleh gerakan missionari terhadap Orang Asal di Pahang ialah aktiviti pekebunan. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asal di negeri Pahang mempunyai pengetahuan dalam aktiviti bercucuk tanam, manakala mereka turut mempunyai kawasan yang sesuai untuk menjalankan kegiatan tersebut.³² Akan tetapi, terdapat juga beberapa Orang Asal di Pahang masih mundur dari segi pembangunan dalam kalangan rakyat negeri Pahang. Oleh sebab itu, gerakan missionari Kristian juga telah mengambil langkah baru untuk menstabilkan kedudukan Orang Asal serta mengembangkan gerakan mereka pada masa yang sama dari tahun 1970-1980.

Secara umumnya, masyarakat Orang Asal di Pahang ini merupakan golongan yang menjalankan kehidupan dengan bergantung kepada kekayaan sumber hutan. Dalam keadaan itu, Orang Asal telah menjalankan cara pekebunan yang tradisional dengan menggunakan kemahiran yang asas bagi kegunaan harian.³³ Pada masa tersebut rotan merupakan sumber pendapatan utama mereka.³⁴ Apabila gerakan missionari mula melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi tersebut, mereka ingin untuk membawa pembaharuan dalam ekonomi Orang Asal di Pahang.

Dalam usaha tersebut, gerakan missionari Kristian mula membekalkan modal seperti baja dan bijih benih tanaman kepada masyarakat Orang Asal dengan tujuan untuk melaksanakan aktiviti pekebunan secara besar-besaran serta memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan dengan sendiri.³⁵ Sumbangan modal yang diberikan oleh gerakan missionari kepada Orang Asal ini diperolehi daripada dana pihak gereja itu sendiri. Maka, modal yang diberikan oleh gerakan missionari turut menyebabkan pelbagai tanaman baharu dihasilkan di kawasan pekebunan Orang Asal di Pahang. Sebagai contohnya, pisang, cempedak dan nangka. Gerakan missionari juga memberikan peluang yang luas kepada Orang Asal agar mereka dapat menggunakan ilmu asas yang dimiliki dalam usaha menjana pendapatan sendiri.

Walau bagaimanapun, aktiviti ekonomi ini tidak dicapai sepenuhnya kerana masyarakat Orang Asal mula mengalami gangguan dari pihak luar. Tetapi, usaha gerakan missionari terhadap dalam pembangunan ekonomi Orang Asal di Pahang telah mewujudkan tanggapan yang positif dalam kalangan Orang Asal dan tindakan tersebut juga menggalakkan Orang Asal untuk mengikuti aktiviti lain yang dikendalikan oleh gerakan missionari di gereja.³⁶

³² Temubual bersama dengan Katherine Boon, PIHDM, Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022

³³ 3rd National Consultation On Indegenious Peoples, 6th-8th August 2004 – Negeri Sembilan, hlm. 6
Dokumen Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang

³⁴ Ibid.hlm. 5

³⁵ Temubual bersama dengan Katherine Boon, PIHDM, Gereja Saint Thomas Katolik, Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022

³⁶ Ibid

Kesan

Peningkatan bilangan penganut agama Kristian

Pengerakan missionari Kristian yang berlaku terhadap Orang Asal di Pahang dari tahun 1970 hingga 1980 telah meningkatkan bilangan penganut agama Kristian dalam kalangan Orang Asal.³⁷ Hal ini kerana perancangan yang diikuti oleh gerakan missionari dalam kalangan masyarakat Orang Asal ini telah menarik perhatian mereka terhadap agama Kristian.³⁸ Sehubungan dengan itu, mereka juga mula mengetahui amalan yang menjadi panduan dalam kehidupan seseorang yang beragama Kristian. Dengan itu, agama Kristian turut menjadi satu salah pilihan dalam senarai agama yang dianuti oleh Orang Asal di Malaysia. Hal ini ditunjukkan oleh jadual berikut;

Jadual 3: Taburan peratus penduduk Orang Asal mengikut agama, Semenanjung Malaysia, 1980 dan 1991.

Agama	1980	1991
Agama suku kaum/folk	66.0	45.7
Islam	5.3	11.2
Kristian	4.3	5.1
Lain-lain	3.9	12.4
Tiada agama	20.4	25.6

Sumber: 1984/0000015, Banchi Orang Asli, Pahang.

Jadual di atas ini menunjukkan bahawa peratus penganut agama Kristian dalam kalangan Orang Asal pada tahun 1980 ini mencatatkan sebanyak 4.3%. Walaupun angka tersebut rendah berbanding dengan agama Suku Kaum dan Islam. Akan tetapi, ia merupakan suatu kejayaan bagi perkembangan gerakan Kristian yang berlaku dari tahun 1970 hingga tahun 1980 di Pahang. Hal ini menunjukkan bahawa sikap Orang Asal yang terbuka ini telah menjadikan gerakan missionari Kristian untuk bergiat aktif dalam kalangan mereka.

Di negeri Pahang, perkembangan gerakan missionari Kristian dapat dikesan di kawasan perkampungan Orang Asal di kawasan perkampungan Orang Asal di Batu Lapan Kuantan, Rompin, Kampung Keruing, Tasik Chini dan Bukit Sorok dalam tempoh 1970 hingga 1980.³⁹ Walaupun bilangan kawasan yang memberi tumpuan itu sedikit tetapi usaha gerakan missionari Kristian dengan menggunakan pedekatan tersebut dapat menyebarkan ajaran agama Kristian dengan lebih mudah.⁴⁰

³⁷ 1984/0000015. Bachi Orang Asli Pahang. Dokumen Arkib Negara Malaysia

³⁸ Ibid. Hlm. 2

³⁹ 3rd National Consultation On Indeginious Peoples 6th-8th August, 2004, Negeri Sembilan. Dokumen Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang

⁴⁰ Temubual dengan Katherine Boon, Parish Integral Human Development Ministry (PIHDM), Gereja Katolik Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022

Aktiviti gerakan missionari mula berkembang pesat apabila gerakan ini mula menggunakan pendekatan *Kasih sayang Tuhan terhadap Manusia*.⁴¹ Secara umumnya, pendekatan ini merupakan suatu amalan yang memberi kepentingan terhadap kebajikan masyarakat. Pendekatan ini dilaksanakan oleh gerakan missionari dengan menghulurkan bantuan kepada golongan Orang Asal yang diperlukan.⁴² Dengan itu, pendekatan ini telah berjaya mempengaruhi pemikiran dan kehidupan Orang Asal yang mengamalkan kepercayaan animisme. Seterusnya, sikap yang dicontohi oleh ahli missionari telah mempengaruhi pemikiran Orang Asal. Hal ini dikatakan kerana layanan yang diberikan oleh pihak gereja adalah sama rata. Semua orang telah diberikan layanan yang sama rata iaitu dengan memberikan bantuan kepada orang yang diperlukan. Pada masa yang sama, kebanyakan bantuan yang dibekalkan oleh gerakan missionari kepada Orang Asal telah membantu untuk sara hidup mereka. Antaranya ialah bantuan makanan, bantuan kewangan, bantuan pendidikan dan sebagainya.⁴³

Perbuatan ini juga telah menarik perhatian Orang Asal yang terdiri daripada agama lain. Keadaan ini menyebabkan wujudnya golongan "*Churchless Christianity*" dalam kalangan masyarakat Orang Asal. Secara umumnya golongan "*Churchless Christianity*" golongan masyarakat yang boleh mengikuti aktiviti yang dijalankan oleh gerakan missionari walaupun terdiri daripada agama lain. Begitulah terdapatnya, sesetengah Orang Asal mengikuti program yang dijalankan oleh missionari. Contohnya, bacaan doa, sambutan Hari Krismas, gotong – royong dan sebagainya.⁴⁴ Dalam konteks itu, golongan Orang Asal di Pahang yang terdiri daripada "*Churchless Christianity*" telah mula mengamalkan amalan yang terdapat dalam agama Kristian secara tidak langsung.

Maka, sikap pemikiran terbuka yang diamalkan oleh ahli-ahli *missionary* Kristianisasi semasa mendekati Orang Asal telah menarik perhatian mereka dan mendorong mereka untuk menganuti dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh gerakan missionari Kristianisasi.⁴⁵ Ia pula menjadi faktor utama alam perkembangan gerakan missionari Kristianisasi dalam kalangan Orang Asal pada tahun 1970 hingga 1980.

Peningkatan bilangan sekolah missionari Kristian

Pada tahun 1970, sekolah missionari Kristian telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan peluang pendidikan bagi kanak-kanak Orang Asal di negeri Pahang. Salah satu sekolah missionari Kristian yang ditubuhkan di Pahang pada awal tahun 1970 ialah sekolah missionari di Kuala Rompin.⁴⁶

⁴¹ 1980/0013497. Questionnaire on Christian Missions in the Federation of Malaya, 1962, Kementerian Luar Negeri Persekutuan Tanah Melayu

⁴² Ibid

⁴³ Dialogue and Discussion with Parish Integral Human Development Ministries "Social Concerns: Migrants and Indigenous People", 2nd National Consultation on Indigenous Peoples... Our Identity, Our Future, 30th September to 2nd October 2003, Kuantan Pahang, hlm. 10. Dokumen Gereja Saint Thomas Kuantan Pahang.

⁴⁴ Temu bual dengan Rev Father George Packiasamy, Parish Priest, 7 Disember 2022

⁴⁵ Temu bual dengan Katherine Boon, Parish Integral Human Development Ministry (PIHDM), Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022

⁴⁶ 1978/0005038, Permintaan Mendirikan Sebuah Sekolah untuk Kanak-kanak Orang Asli di Rompin

Kerajaan telah mengamalkan dasar kebebasan beragama. Maka, sukatan pelajaran yang berkaitan agama Kristian menjadikan salah satu mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (E.C.E) dan Sijil Pelajaran Malaysia (M.C.E).⁴⁷

Walaupun kerajaan memberi kebebasan beragama, tetapi perlembagaan negara ini mencatatkan bahawa agama-agama lain yang bukan agama Islam tidak boleh menyebarkan secara terang-terangan di sekolah, ia hanya membenarkan murid-murid berkenaan sahaja bagi mempelajari pengetahuan agama masing-masing.⁴⁸ Kanak-kanak Orang Asal yang mengikuti sekolah missionari mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan agama melalui sukatan pelajaran yang diperkenalkan oleh kerajaan sendiri.⁴⁹

Perkembangan gerakan missionari yang berlaku di negeri Pahang turut meningkatkan lagi bilangan sekolah missionari Kristian. Selepas berlakunya, penglibatan kerajaan dalam dasar pendidikan agama pada tahun 1976. Sekolah missionari Kristian di Pahang terbahagi kepada dua iaitu sekolah missionari Kristian persendirian dan sekolah missionari dengan bantuan penuh kerajaan. Di negeri Pahang, terdapat 8 buah sekolah didirikan pada tahun 1976.⁵⁰ Kewujudan sekolah missionari Kristian yang persendirian ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh gerakan missionari Kristian ini mampu menarik perhatian orang ramai di Pahang secara berperingkat. Hal ini kerana, sekolah missionari Kristian persendirian ini memberi keutamaan juga terhadap kebajikan, kesihatan dan pemulihan akhlak dalam kalangan pelajar.⁵¹

Ia menyebabkan Orang Asal juga mengikuti pendidikan yang dikendalikan oleh gerakan missionari Kristian.⁵² Selain daripada itu, gerakan missionari Kristian yang berkembang di negeri Pahang juga telah menjalankan sekolah missionari Kristian dengan mendapatkan bantuan sepenuhnya daripada pihak kerajaan pada tahun 1976. Dalam tempoh tahun tersebut, kerajaan juga berjaya memberikan bantuan pendidikan kepada 270 buah sekolah missionari Kristian secara keseluruhan. Dalam 270 buah sekolah tersebut, 4 buah sekolah adalah sekolah yang terdapat di negeri Pahang.⁵³

Penubuhan sekolah missionari Kristian dengan bantuan kerajaan ini telah meningkatkan juga bilangan pelajar daripada anak-anak bukan Orang Asal.⁵⁴ Perkembangan gerakan missionari Kristian yang bermula pada tahun 1970 telah membawa peningkatan terhadap bilangan sekolah missionari di Pahang apabila kerajaan bersetuju untuk menghulurkan bantuan kepada gerakan missionari. Dengan syarat, pelaksanaan pendidikan sekolah missionari tidak mengganggu agama lain yang terdapat di negeri Pahang. Walau bagaimanapun, sekolah-sekolah tersebut wujud suasana Kristian yang meluas.

oleh Christian Missionary.

⁴⁷ 2007/0062203. Kegiatan Pendakwah Kristian Dalam Pendidikan Di Malaysia.

⁴⁸ Ibid

⁴⁹ Ibid

⁵⁰ Ibid

⁵¹ 2007/0062203. Kegiatan Pendakwah Kristian Dalam Pendidikan Di Malaysia

⁵² 1978/0005038, Permintaan Mendirikan Sebuah Sekolah untuk Kanak-kanak Orang Asli di Rompin oleh Christian Missionary.

⁵³ 2007/0062203. Kegiatan Pendakwah Kristian Dalam Pendidikan Di Malaysia.

⁵⁴ Ibid

Hal ini kerana, pengajaran Kristian ini dijadikan sebagai satu mata pelajaran secara terbuka kepada murid-murid. Maka, ia telah mendorong kedatangan paderi untuk memberikan pengajaran dan dakwah mereka kepada murid-murid. Dengan itu, gerakan missionari Kristian mampu mengumpulkan lagi pemeluk agama Kristian.⁵⁵

Menambahbaik taraf kehidupan Orang Asal

Perkembangan gerakan missionari yang berlaku antara tahun 1970 hingga tahun 1980 telah memberikan kesan yang positif kepada Orang Asal di Pahang untuk menjalankan kehidupan harian yang baik. Tindakan yang diambil oleh gerakan Kristian untuk mendekati Orang Asal menerusi aspek agama, ekonomi, infrastuktur dan pendidikan telah dapat menambahbaik taraf kehidupan Orang Asal di Pahang.⁵⁶ Aktiviti yang dikendalikan oleh gerakan missionari Kristian terhadap Orang Asal di Pahang telah dapat mendidik mereka untuk menjadi individu yang berakhlak mulia. Sebagai contohnya, aktiviti pembacaan Bible yang diadakan dalam kalangan Orang Asal.⁵⁷ Melalui aktiviti tersebut, gerakan missionari Kristian berjaya menerapkan nilai-nilai yang mulia dalam diri masyarakat Orang Asal.⁵⁸ Dalam keadaan itu, Orang Asal menjadikan Bible sebagai panduan asas bagi kehidupan.

Gerakan missionari turut membawa golongan belia daripada gereja untuk mengadakan interaksi dengan Orang Asal. Dengan itu, gerakan missionari telah meningkatkan sifat kepimpinan terhadap diri Orang Asal.⁵⁹ Hal ini menyebabkan Orang Asal di Pahang juga menyertai program yang diadakan oleh gereja dengan penuh keyakinan. Perkembangan gerakan missionari Kristian dalam kalangan Orang Asal di Pahang turut meningkatkan golongan intelektual. Tahap pendidikan Orang Asal yang rendah menyebabkan kedudukan mereka terpinggir di Pahang.⁶⁰ Dengan kemudahan yang dibekalkan oleh gerakan missionari, masyarakat Orang Asal telah berjaya melahirkan golongan yang berpendidikan dalam kumpulan mereka sendiri. Keadaan ini juga meningkatkan taraf kedudukan Orang Asal dalam kalangan rakyat Pahang yang lain.

⁵⁵ Ibid

⁵⁶ Dialogue and Discussion with Parish Integral Human Development Ministries “Social Concerns: Migrants and Indigenous People”, 2nd National Consultation on Indigenous Peoples...Our Identity, Our Future, 30th September to 2nd October 2003, Kuantan Pahang, m/s 10. Dokumen Gereja Saint Thomas Kuantan Pahang

⁵⁷ 2011/004293. Hal Ehwal Ugama Penduduk.

⁵⁸ 3rd National Consultation On Indeginious Peoples, 6th -8th August, 2004-Negeri Sembilan. m/s 3. Dokumen Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang

⁵⁹ 1982/0000504, Gereja Methodist Kuantan Projek Gotong – Royong oleh pemuda-pemuda Kristian Kg. Jayadin Sg.Karang.

⁶⁰ 2020/0004583, Christian Missionaries and Their Role in Progress of Education, Sunday Tribune, December 4, 1977.

Kesimpulan

Kesimpulannya, gerakan missionari yang bermula semasa era penjajahan British di negeri Pahang telah menyusun pelbagai strategi. Pertama sekali ialah gerakan missionari telah menstabilkan kedudukan mereka di negeri Pahang melalui sokongan daripada beberapa organisasi Kristian seperti *London Missionary Society*, *China Inland Mission* serta *Christian Federation of Malaysia*. Dengan usaha tersebut, gerakan missionari Kristian yang terdiri daripada pelbagai mazhab turut disatukan. Maka, ia telah mendorong mereka untuk bergiat aktif dari tahun 1970 hingga tahun 1980 di bawah penguasaan gereja. Pada peringkat permulaan, gerakan missionari Kristian mula memasuki kawasan perkampungan dengan mengadakan lawatan. Melalui lawatan tersebut, mereka juga dapat melihat bahawa terdapat Orang Asal yang masih berada dalam keadaan mundur. Dalam keadaan itu, gerakan missionari Kristian telah membuat perancangan untuk demi kebaikan Orang Asal serta gerakan missionari itu sendiri. Dalam usaha tersebut, gerakan missionari Kristian juga mula bertindak melalui beberapa aspek. Fokus gerakan missionari Kristian dalam kalangan Orang Asal berasaskan kepada empat aspek iaitu agama, infrastruktur, pendidikan dan ekonomi. Gerakan missionari Kristian yang memfokuskan kepada empat aspek tersebut telah berjaya meluaskan matlamat mereka kepada Orang Asal di Pahang. Salah satu adalah dengan mendapatkan sokongan daripada paderi luar negara. Idea yang dikemukakan oleh para paderi luar negara telah mempengaruhi pemikiran Orang Asal sehingga terdapat Orang Asal yang mendapatkan pendidikan yang disediakan pihak missionari dan menjadi pengembang agama Kristian dalam kalangan Orang Asal sendiri.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penilai dan editor Jurnal Munsyi, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, pihak Arkib Negara Malaysia, pihak Arkib Negara Malaysia Negeri Pahang, Gereja Saint Thomas Kuantan Pahang dan Sekolah Menengah Chong Hwa Kuantan, Pahang yang menyumbang dan memberi galakan sehingga terbitnya makalah ini.

Bibliografi

- 1978/0005038. Permintaan Mendirikan Sebuah Sekolah untuk Kanak-kanak Orang Asli di Rompin oleh Christian Missionary. Dokumen Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang.
- 1980/0013497. Questionnaire on Christian Missions in the Federation of Malaya, 1962, Kementerian Luar Negeri Persekutuan Tanah Melayu. Dokumen Arkib Negara Malaysia.
- 1982/0000504. Gereja Methodist Kuantan Projek Gotong – Royong oleh pemuda-pemuda Kristian Kg. Jayadin Sg. Karang. Dokumen Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang.
- 1984/0000015. Bachi Orang Asli Pahang. Dokumen Arkib Negara Malaysia
- 1993/0007096. Memorandum Menteri Besar Pahang, Lembaga Pelindung Orang Asli di Negeri Pahang. Dokumen Arkib Negara Malaysia.
- 1993/0006234. Rayuan mengenai hal ehwal ugama. Dokumen Arkib Negara Malaysia.
- 2007/0062203. Kegiatan Pendakwah Kristian dalam Pendidikan di Malaysia. Dokumen Arkib Negara Malaysia.
- 2011/004293. Hal Ehwal Ugama Penduduk, Laporan Pentadbiran Orang Asli Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Pahang dan Terengganu. Dokumen Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Pahang.

- 2020/0004583, Christian Missionaries and Their Role In Progress of Education, Sunday Tribune, 4 Disember 1977. Dokumen Arkib Negara Malaysia.
- 3rd National Consultation On Indegenious Peoples, 6th-8th August 2004 – Negeri Sembilan*, hlm. 6. Dokumen Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang.
- Our Shepherds for the Parish of St.Thomas (1906-2006)*. Dokumen Gereja Katolik Saint Thomas, Kuantan Pahang
- Dialogue and Discussion with Parish Integral Human Development Ministries “Social Concerns: Migrants and Indigenous People”*, 2nd National Consultation on Indigenous Peoples... *Our Identity, Our Future, 30th September to 2nd October 2003*, Kuantan Pahang, hlm. 10. Dokumen Gereja Saint Thomas Kuantan Pahang.
- Aini, Z. & Sabri, N.S. 2019. Bentuk-bentuk Gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Orang Asli di Perak: *Forms of Christianization to the Orang Asli in Perak*. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4 (2), 128, 125-141. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.61>
- Hussin, S.A.R. 2009. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan halangan. Jurnal Usuluddin. 25 (1), 156, 155-184.
- Shariman Tunku Sulaiman. 2003. *The Pahang Capital, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 76(2), hlm.70, daripada <https://www.jstor.org/stable/41493500>
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2008. Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang, Penerbitan Karisma Sdn.Bhd, Shah Alam, m/s 70-71.
- Siri Monograf Banci Penduduk, Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia. 1991. Jabatan Perangkaan Malaysia, *Department of Statistics, Malaysia*. hlm 5.
- First China Inland Mission, now OMF International*. Diperoleh daripada <https://omf.org/us/about/ourstory/china-inland-mission/>.
- Sheila Lee, All Souls’ Church, 19 Oktober 2019. Diakses daripada <https://church.com.my/all-soulschurch.html>
- Walk the Land in Malaysia, Published by The Provider Production Bhd. Diperoleh daripada <http://www.theprovider.org.my>.
- Temubual dengan Rev Father George Packiasamy, Parish Priest, Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, 7 Disember 2022.
- Temubual dengan Katherine Boon, *Parish Integral Human Development Ministry (PIHDM)*, Gereja Saint Thomas, Kuantan Pahang, pada 7 Disember 2022.